

Kelebihan Zikir ◻ Laailaha illallah ◻ yang Ramai Tidak Tahu

Written by Ruzlan

Thursday, 15 January 2015 00:00 - Last Updated Monday, 30 January 2017 11:53

<p>

src="http://1.bp.blogspot.com/-6LIJRr5Rz6E/V3jD3WIhxOI/AAAAAAAAAESk/n9iF_qWigA4LR-75-9hRFRn6W7FY1fF7gCK4B/s1600/Mudahdotmy_Long.gif" width="488" height="39">

</p><hr><p>Kelebihan zikir ◻ Laailaha illallah ◻

Kalimah ◻ La ilaha illallah ◻ mengandungi seluruh tasbih, tahmid dan takbir atau segala pujian kepada Allah SWT. Berzikir akan mendorong tubuh bergerak atau harakah secara semulajadi. Hal ini sukar dijelaskan. Dalam tasawuf, harakah ini disusun begitu rupa sehingga menimbulkan rentak berbaris demi proses taqarrub.</p><p>

Senarai Kelebihan:

1. Di dalam hadis bahawa zikir yang tidak terhad kepada sebarang masa, tempat dan alasan ialah ◻ Laailaha illallah ◻. Ia merupakan zikir yang cemerlang. Di dalam hadis yang lain bahawa ia adalah bentuk kebaikan yang tertinggi.

2. Pengamal akan mendapat syafaat dari Rasulullah SAW. Di dalam hadis yang lain bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: pada hari kiamat orang yang paling beruntung mendapat syafaatku ialah orang yang banyak membaca kalimah ◻ Laailaha illallah ◻ dengan hatinya dan jiwanya iaitu dengan hati yang ikhlas.

3. Tidak akan dimasukkan ke dalam api Neraka. Di dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda: Orang yang membaca ◻ Laailaha illallah ◻ di dalam keadaan penuh keikhlasan di dalam hatinya atau iman bersamaan dengan sebiji barli, maka ia akan dikeluarkan dari neraka jahanam. Dan orang yang membaca kalimah ini dan di dalam hatinya terdapat keikhlasan atau iman bersamaan sebesar biji gandum maka ia akan dikeluarkan dari api neraka jahanam dan orang yang membaca dengan penuh kebaikan atau iman maka ia juga akan dikeluarkan dari api Neraka Jahanam.

4. Mendapat Jaminan Syurga. Di dalam hadis lain terdapat: Orang yang membaca kalimah ◻ Laailaha illallah ◻ dari hatinya, ia pasti akan memasuki syurga walaupun ia melakukan dosa seperti berzina dan mencuri, walaupun ia melakukan zina dan mencuri, walaupun ia melakukan zina dan mencuri. (Nabi SAW telah mengulangkannya sebanyak 3 kali)</p><p>
</p> <p>5. Hadis lain: Rasulullah SAW bersabda: Hendaklah kamu sentiasa perbaharui iman kamu. Para sahabat Rasulullah SAW berkata ◻ Wahai Rasulullah SAW, bagaimanakah kami perbaharui iman kami? Rasulullah SAW menjawab ◻ ucapkanlah Laailaha illallah sebanyaknya ◻.

6. Hadis lain: Rasulullah SAW bersabda: Tiada yang dapat menghalang kalimah ◻ Laailaha illallah ◻ sampai kepada Allah

7. Hadis lain: Zikir ◻ Laailaha illallah ◻ tidak akan meninggalkan satu dosa pun di belakang dan tiada satu amalan yang menyamainya.

8. Amalan zikir tersebut mendapat timbangan yang lebih berat dari amalan-amalan yang lain. Jika tujuh petala langit dan bumi diletakkan di satu dacing dan dengan kalimah ◻ Laailaha illallah ◻ diletakkan di atas dacing yang lain, maka (kalimah) lebih berat lagi. Dari Abi Abas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, ◻ Demi yang diriku di tangan-Nya, jika sekiranya segala langit dan bumi dan siapa yang ada padanya dan apa-apa yang ada di antaranya dan apa-apa yang ada di bawahnya diletakkan di sebelah dacing dan kalimah ◻ Lailahailallah ◻ di sebelah yang lain, maka dacing kalimah ◻ Lailahailallah ◻ itulah yang lebih berat. ◻ (Hadis riwayat at-Tabarani)

9. Dalam hadis: Apabila seorang hamba mengucapkan kalimah ◻ Laailaha illallah ◻ dengan ikhlas hati, maka pintu langit terbuka bagi kalimah ini sehingga ia sampai ke Arasy, dengan syarat ia menjauhkan diri dari dosa besar.

10. Merupakan anak kunci Syurga. Muaaz

Written by Ruzlan

Thursday, 15 January 2015 00:00 - Last Updated Monday, 30 January 2017 11:53

bin Jabal Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya, ♦Anak-anak kunci syurga ialah mengakui kalimah ♦Lailahaillallah♦.♦ (Hadis riwayat Imam Ahmad)

♦Dari Ubadah Bin ash Shaamiti Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud♦ Barangsiapa bersaksi mengatakan Lailahaillah Muhammadarrasulullah..Tiada Tuhan Yang Disembah Melainkan ALLAH.. dan Nabi Muhammad itu adalah pesuruh ALLAH, maka ALLAH akan mengharamkan neraka baginya..♦ ♦Rasulullah pernah bersabda♦Pernah pada suatu hari, sedang Nabi duduk dalam keadaan susah, maka datang Jibrail kepadanya lalu berkata..Wahai Muhammad, apa erti kesusaha, sedangkan ALLAH swt telah memberikan kepada ummatmu lima perkara dan ia belum pernah memberikan kepada seorang sebelum engkau iaitu♦.</p><p>
</p><p>♦ Mereka yang beriman dan bertenang hatinya dengan berdzikir kepada Allah..♦ (Ar-Ra♦ad : 28).

♦Rasulullah bersabda..barangsiapa yang berkata kalimah LAILAHAILLAH MUHAMMADARRASULULLAH♦ sebanyak 100 kali..maka tatkala ia datang di hari kiamat dengan wajahnya seperti bulan purnama..♦ ♦Rasulullah bersabda♦Dalam sebuah hadis qudsi ALLAH berfirman ♦LAILAHAILLAH♦ adalah kalamku..akulah yang kehendaki pada kalimah ALLAH..barangsiapa yang berkata kalimah ini beerti ia telah masuk ke kotaku..Dan Barangsiapa yang masuk ke kotaku..maka selamatlah ia dari siksaku..♦
</p><p>
<i mg alt="Artikel bank" src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Artikel/bannerartikel.gif" mce_src="images/Artikel/bannerartikel.gif" width="500" height="77">
</p><hr><p><u>Admin 1Kedai</u> Jika anda tidak keberatan, harap dapat 'FORWARD'kan ilmu yang bermanfaat ini sebagai satu lagi amalan kebaikan kepada teman-teman atau insan yang anda kasihi kerana:
 " Sebaik-baik manusia itu adalah mereka yang memberi manafa'at kepada manusia yang lain ".. <i>Buatkan satu amalan mudah anda. Hanya klik butang di bucu atas halaman ini: </i></p><p>
<i><i mg alt="Kembali ke koleksi utama artikel" src="http://www.1kedai.com/kedai/images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" mce_src="images/Image_1Kedai/Artikel/butang%20kembali.jpg" width="493" height="300"></i></p>